This course introduces the fundamental aspect of plant biology. Emphasis is placed on plant structure and function, including the structure of cells, roots, leaves and flowers, growth and division, as well as reproduction. Vital processes and mechanisms in plant physiology and development, such as photosynthesis, respiration, water transport and nutrient assimilation, morphogenesis and cell division will also be covered. Other topics are genetics and evolution of plants including plant's origin, classification and systematics, life cycle and adaptation, and plant ecology including population and ecosystem as well as biomes. This course also provides an opportunity for students to conduct practicals related to the identification and function of organs in plants.

Kursus **Struktur dan Fungsi Haiwan (BIS3013)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan kepelbagaian dalam morfologi, pemakanan, pembiakan, dan fungsi biologi lain bagi invertebrata dan vertebrata. Kepentingan organisma-organisma ini serta interaksi mereka dengan organisma lain dan faktor abiotik dalam ekosistem daratan dan akuatik juga dibincangkan, dengan mengambil contoh spesies tempatan.

Course ***Animal Structure and Function (BIS3013)***
Credit ***3 (2+1)***
Prerequisite ***Not required***

This course discusses the diversity in morphology, nutrition, breeding, and other biological functions of invertebrates and vertebrates. The importance of these organisms and their interactions with other organisms as well as abiotic factors in terrestrial and aquatic ecosystems by taking examples of the local species are also discussed.

Kursus **Biologi Sel dan Molekul (BIS3023)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan struktur dan fungsi membran plasma serta organel dalam sistem membran sitoplasma dalam sel. Kursus ini juga menekankan interaksi antara sel dengan persekitaran, komunikasi antara sel, jenis-jenis komunikasi sel, serta sitoskeleton dan motiliti sel. Selain itu, kursus ini juga memberi penekanan kepada dogma

utama biologi molekuler termasuk perbincangan mengenai organisasi DNA genom, replikasi DNA dan pengawalan ekspresi gen, serta kerosakan dan pembaikan DNA. Teknik-teknik untuk mengkaji biologi selular dan molekuler juga dibincangkan.

Course **Cellular and Molecular Biology (BIS3023)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the structure and function of the plasma membrane and organelles within a cell cytoplasmic membrane system. This course also emphasises interactions between cells and the environment, communication between cells, types of cell communication, and the cytoskeleton and cell motility. In addition, this course also emphasises the central dogma of molecular biology including discussing the organisation of genomic DNA, DNA replication and regulation of gene expression as well as DNA damage and DNA repair. Techniques to study cellular and molecular biology are also discussed.

Kursus **Biokimia (BIS3034)**
Kredit **4 (3+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan komponen utama dan ciri-ciri proses kimia dalam sistem hidup. Topik yang dibincangkan termasuk: struktur dan fungsi karbohidrat, lipid, protein, dan asid nukleik; enzimologi yang merangkumi istilah dan klasifikasi, kinetik, faktor-faktor yang mempengaruhi kinetik, mekanisme tindak balas, perencanan, regulasi, dan isoenzim; pengenalan kepada metabolisme termasuk bioenergetik, integrasi, dan fungsi ATP; metabolisme karbohidrat, lipid, dan protein. Pelajar juga akan menjalankan beberapa amali makmal untuk menyokong teori yang dipelajari.

Course **Biochemistry (BIS3034)**
Credit **4 (3+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the major components and characteristics of the chemical processes in living system. The topics include: structure and functions of carbohydrates, lipids, proteins and nucleic acids; enzymology including terms and classification, kinetics, factors influencing kinetics, mechanism of reactions, inhibitions, regulations and isoenzymes; introduction to metabolism including bioenergetics, integration and functions of ATP; metabolism of carbohydrate, lipids and proteins. Students will also carry out a series of lab practical to support the theory learnt.

Kursus **Genetik (BIS3044)**
Kredit **4 (3+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan tiga cabang utama genetik yang merangkumi genetik klasik, genetik molekuler, dan genetik populasi. Genetik klasik menjelaskan prinsip-prinsip genetik dan pewarisan mengikut mod pewarisan Mendelian dan bukan Mendelian, manakala genetik molekuler menerangkan kepentingan DNA dan teori kromosom dalam pewarisan dan variasi ciri-ciri. Pemahaman mengenai genetik akan diperkukuhkan lagi dengan genetik populasi yang merangkumi genetik kuantitatif dan hubungannya dengan evolusi. Seterusnya, aplikasi terkini genetik dalam bidang pertanian, perubatan, serta impaknya terhadap masyarakat dari segi etika dan moral juga akan dibincangkan.

Course **Genetics (BIS3044)**
Credit **4 (3+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the three major branches of genetics which include classical genetics, molecular genetics and population genetics. Classical genetics explained the principles of genetics and inheritance according to Mendelian and non-Mendelian modes of inheritance while molecular genetics described the importance of DNA and chromosomal theory in heredity and variations of characters. The understanding of genetics will be further supported by population genetics which includes quantitative genetics and the correlation with evolution. Finally, the latest applications of genetics in agriculture, medicine and their impact on the community in terms of ethics and morals will also be discussed.

Kursus **Kultur Sel dan Tisu (BIS3053)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan teknik dan proses yang digunakan dalam kultur sel dan tisu daripada sumber haiwan dan tumbuhan. Dalam bahagian haiwan, perbincangan melibatkan jenis-jenis kultur sel haiwan, penubuhan makmal kultur sel haiwan, dan teknik-teknik kultur sel. Bagi kultur sel dan tisu tumbuhan, keperluan makmal, organisasi umum dan teknik-teknik yang digunakan; penyediaan medium untuk kultur kalus dan kultur sel ampaian, totipotensi dan pembezaan, embriogenesis somatik, organogenesis, serta kultur anter dan debunga akan diterangkan. Kursus ini juga akan membincangkan pengasingan kultur dan sintesis protoplasma, kestabilan genetik dan variasi klon tisu. Reka bentuk eksperimen dan penentuan keputusan, teknik pengkuantitian dan penentuan kemandirian sel, kinetik pertumbuhan sel, pencemaran kultur dan kaedah untuk mengatasinya, serta penghasilan dan pengenalpastian identiti sel juga akan dibincangkan.

Course **Cell and Tissue Culture (BIS3053)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the techniques and processes employed in cell and tissue culture from animal and plant sources. In the animal parts, discussions involve types of animal cell culture, the setting of animal cell culture laboratory, and cell culture techniques. For plant cell and tissue culture, laboratory requirements; general organizations and techniques; medium and its preparation for callus and cell suspension cultures, totipotency and differentiation, somatic embryogenesis; organogenesis; anther and pollen culture will be described. This course will also discuss culture isolation and synthesis of protoplasm, genetic stability and tissue clone variation. Experimental design and decision-making, quantification techniques and determination of cell independence, cell growth kinetics, culture contamination and methods to overcome them, production and identification of cell identities also will be discussed.

Kursus **Mikrobiologi Asas (BIS3063)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan pengetahuan asas dalam mikrobiologi yang merangkumi isu-isu semasa dan sejarah mikrobiologi, penggunaan mikroskop, kepelbagaian struktur dan fungsi sel prokariotik dan eukariotik, nilai pemakanan dan pertumbuhan mikroorganisma, serta kaedah kawalan mikroorganisma menggunakan agen kimia dan fizikal. Teknik kultur dan pengasingan mikroorganisma menggunakan teknik aseptik akan diberi penekanan semasa sesi makmal.

Course **Basic Microbiology (BIS3063)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

The course discusses the basic knowledge in microbiology covering the current issues and history of microbiology, the use of microscopy, diversity in structure and function of prokaryotic and eukaryotic cells, nutritional values and growth of microorganisms, and also microorganisms control methods using chemical and physical agents. The techniques of culture and isolation of microorganisms using the aseptic technique are emphasized during laboratory sessions.

Kursus **Biologi Perkembangan (BIS3074)**
Kredit **4 (3+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep dan proses perkembangan haiwan dan tumbuhan. Skop kursus ini merangkumi peringkat perkembangan haiwan (iaitu gametogenesis, persenyawaan, pembelahan, gastrulasi, dan organogenesis) dan tumbuhan (iaitu pertumbuhan dan pembezaan). Tapak asal permulaan pembezaan sel, aspek molekul dalam pembezaan sel, pergerakan dan interaksi sel dalam haiwan dan tumbuhan akan turut dibincangkan. Kepelbagaian sel dan tisu serta histologi pelbagai organ haiwan dan tumbuhan juga akan dibincangkan.

Course **Developmental Biology (BIS3074)**
Credit **4 (3+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the concepts and processes of animal and plant development. The scope of this course covers the stages of animal development (i.e. gametogenesis, fertilization, division, gastrulation and organogenesis) and plants (i.e. growth and differentiation). The origins of cell differentiation, molecular aspects in cell differentiation, cell movement and interaction in animals and plants will be covered. The diversity of cells and tissues as well as the histology of various animal and plant organs will also be discussed.

Kursus **Fisiologi Tumbuhan (BIS3083)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan perubahan biokimia dan metabolisma yang menyeluruh dalam tumbuhan dengan penekanan kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan keupayaan air, transpirasi dan pengangkutan pelarut dan bahan larut, serta pengambilan ion dalam tumbuhan. Asimilasi karbon dalam C₃, C₄, dan CAM, fotosintesis dan pigmen kloroplas, fotorespirasi, respirasi, kitaran nutrien penting, pengangkutan elektron, serta fitohormon juga akan dibincangkan.

Course **Plant Physiology (BIS3083)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the comprehensive biochemical and metabolism changes in plants with emphasis on the aspects related to water potential, transpiration, solute and soluble transport and ion uptake in plants. Assimilation of carbon in C₃, C₄ and CAM, photosynthesis and chloroplast pigment, photorespiration, respiration, essential nutrient cycle, electron transport as well as phytohormones will also be discussed.

Kursus **Fisiologi Haiwan (BIS3093)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep fisiologi haiwan termasuk manusia dengan penerangan ringkas mengenai topik anatomi. Sebelas sistem tubuh akan dibincangkan dalam kursus ini merangkumi pelbagai jenis haiwan seperti dalam kumpulan vertebrata dan invertebrata. Penekanan akan diberikan kepada prinsip homeostasis dan hubungannya dengan fungsi semua sistem dalam tubuh haiwan. Contoh penyakit akibat ketidakseimbangan homeostasis dan faktor persekitaran juga akan dibincangkan.

Course **Animal Physiology (BIS3093)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the concept of animal physiology including human with brief explanation on the anatomy topics. Eleven body systems are covered in this course in various types of animal such as in group of vertebrates and invertebrates. Emphasis will be given to the principal of homeostasis and its relation to the functions of all system in animal body. Examples of diseases due to homeostatic imbalances and environmental factors will also be discussed.

Kursus **Kaedah Penyelidikan dalam Biologi (BIS3103)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan awal kepada pelajar dalam menjalankan kajian saintifik termasuk penulisan cadangan, tesis, dan laporan. Selain itu, kursus ini juga memberikan maklumat asas mengenai elemen-elemen dalam reka bentuk eksperimen dalam penyelidikan sebelum pelajar mengikuti kursus Projek Saintifik Tahun Akhir, serta sebagai persediaan untuk pengajian pascasiswazah. Topik yang dibincangkan termasuk reka bentuk eksperimen, analisis data, dan pelaporan.

Course **Research Methodology in Biology (BIS3103)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course is required to provide an initial exposure to students in conducting a scientific study including proposal, thesis and report writing. In addition, this course also gives basic information about elements in experimental design in research before embarking the Final Year Scientific Project course, as well as preparation for postgraduate studies. Topics covered include experimental design, data analysis and reporting.

Kursus **Penulisan Saintifik dalam Biologi (BIS3113)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menumpukan kepada teknik penulisan saintifik termasuk kaedah mencari rujukan, cara memetik dan menyenaraikan rujukan, komponen Pengenalan, cara membina Ulasan Literatur, konsep dan urutan Metodologi, teknik dalam interpretasi data dan perbincangan, serta cara membuat kesimpulan akhir dan abstrak. Teknik penyampaian lisan dan poster yang berkesan juga akan dibincangkan.

Course **Scientific Writing in Biology (BIS3113)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course focuses on scientific writing techniques including methods to search for references, how to cite and list the references, components of an Introduction, how to construct Literature Review, concept and sequence of Methodology, techniques in data interpretation and discussion and how to do final conclusion and abstract. Efficient oral and poster presentation techniques will also be discussed.

Kursus **Biometri (BIS3123)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini akan membincangkan reka bentuk eksperimen dan amalan teras dalam menganalisis data untuk menjawab persoalan dalam penyelidikan biologi. Pelajar akan diperkenalkan kepada kaedah piawai dalam mereka bentuk kajian atau penyelidikan mereka, seperti kajian perbandingan dan pencirian. Kursus ini juga akan memperkenalkan ujian-ujian biasa untuk kajian pencirian dalam biologi. Jenis data yang dihasilkan, kaedah analisis statistik dan visual dalam mentafsir data untuk menjawab hipotesis atau persoalan biologi juga akan diperkenalkan.

Course **Biometry (BIS3123)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course will discuss experimental design and core practice in data analysis to address question in biological study. Students will be introduced to standard practice in designing their research or study such as comparative and characterisation studies. This course will also introduce common assays for characterisation study in biology. Type of data being produced, method in statistical and visual analysis in interpreting data to answer biological hypothesis or question will also be introduced.

Kursus **Latihan Industri (BIS49710)**
Kredit **10 (0+10)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini akan memberikan pendedahan awal kepada pelajar mengenai dunia kerjaya yang berkaitan dengan bidang sains biologi. Pelajar akan mengaplikasikan pengetahuan yang telah mereka pelajari di UMT semasa menjalani latihan praktikal di industri atau institusi pilihan mereka. Pelajar akan berusaha melaksanakan tugas yang diberikan oleh penyelia industri dengan menggunakan semua pengetahuan dan kemahiran yang ada.

Course **Industrial Training (BIS49710)**
Credit **10 (0+10)**
Prerequisite **Not required**

This course will give students a pre-exposure to the career world related to the biological sciences field. Students will apply the knowledge that they have learned in UMT while undergoing practical training in industries or institution of their choice. Students will try to perform the task given by the industry supervisor by using all available knowledge and skills.

Kursus **Projek Ilmiah Tahun Akhir I (BIS4983)**
Kredit **3 (0+3)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini bertujuan untuk membangunkan keupayaan pelajar dalam melaksanakan projek saintifik dengan cekap. Pelajar akan dilatih untuk menulis dan membentangkan cadangan penyelidikan saintifik yang komprehensif berdasarkan penemuan literatur terkini, disokong dengan petikan yang sesuai. Mereka akan didedahkan kepada reka bentuk projek penyelidikan yang menggabungkan metodologi yang relevan dengan bidang biologi pilihan

mereka, pensampelan dan pengumpulan data, termasuk analisis data. Pelajar juga akan membangunkan jadual kerja yang realistik berdasarkan aktiviti berasaskan garis masa untuk memandu pelaksanaan projek dengan berjaya dan berkesan.

Course **Final Year Project I (BIS4983)**
Credit **3 (0+3)**
Prerequisite **Not required**

This course aims to develop students' ability in executing a scientific project in an efficient manner. Students will be trained to write and present a comprehensive scientific research proposal based on current literature findings, supported with appropriate citations. They will be exposed to designing of the research project incorporating relevant methodology related to the field of biology of their choice, sampling and retrieval of data, including data analysis. Students will develop a realistic work schedule as a timeline-based activities to guide the implementation of the project successfully and effectively.

Kursus **Projek Ilmiah Tahun Akhir II (BIS4995)**
Kredit **5 (0+5)**
Prasyarat **BIS4983 Projek Ilmiah Tahun Akhir I (WL)**

Kursus ini dibentuk untuk membangunkan keupayaan pelajar dalam melaksanakan projek penyelidikan saintifik. Pelajar akan didedahkan kepada teknik dan kaedah penyelidikan yang sesuai berkaitan dengan sub-disiplin biologi pilihan mereka. Ini termasuk pensampelan, pengumpulan dan interpretasi data, serta pembentangan penemuan mereka dalam laporan tahun akhir dan seminar.

Course **Final Year Project 2 (BIS4995)**
Credit **5 (0+5)**
Prerequisite **BIS4983 Final Year Project 1 (WL)**

This course is designed to develop the student's ability in executing a scientific research project. Students will be exposed to the appropriate techniques and research methods related to the field in sub-disciplines of biology of their choice. This includes sampling, data collection and interpretation, presentation of their findings both in final year report and seminar.

Kursus **Amali Kimia Organik dan Analisis (CHM3042)**
Kredit **2 (0+2)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini merangkumi topik-topik eksperimen yang dipelajari oleh pelajar dalam prinsip kimia analitikal dan prinsip kimia organik. Penekanan diberikan kepada kemahiran asas seperti pengkristalan semula, pengekstrakan, pemisahan, refluks, penyulingan, dan pentitratan. Setelah tamat kursus, pelajar seharusnya dapat menyusun dan menggunakan peralatan asas untuk eksperimen kimia analisis dan kimia organik, serta membentangkan data saintifik dengan cara yang jelas dan logik, serta menghasilkan laporan saintifik mengenai kerja mereka. Pelajar juga akan dapat menjalankan eksperimen menggunakan manual yang diarahkan dengan keyakinan diri.

Course **Practical in Organic Chemistry and Analysis (CHM3042)**
Credit **2 (0+2)**
Prerequisite **Not required**

The course covers experimental topics learned by students in principle analytical chemistry and principle organic chemistry. Emphasis is on the basic skills of recrystallization, extraction, separation, reflux, distillation and titration. Upon completion, students should be able to assemble and use basic apparatus for experimental analytical and organic chemistry and present scientific data in a clear and logical way and produce a scientific report of their work.

Students will also be able to conduct experiments using instructed manual with self-confident.

Kursus **Prinsip Kimia Analisis (CHM3052)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini merangkumi pemahaman dalam analisis kimia berkaitan dengan teknik pensampelan dan penyediaan sampel, prinsip analisis volumetrik, titrimetrik, dan gravimetrik. Penekanan diberikan kepada pengenalan asas kepada pemprosesan data analisis. Setelah tamat kursus, pelajar seharusnya mampu menjelaskan dan membuat perkaitan antara konsep, prinsip, dan teknik dalam prinsip kimia analitikal serta mampu menunjukkan prinsip asas bagi kaedah kimia analisis dalam penyelesaian masalah.

Course **Principles of Chemical Analysis (CHM3052)**
Credit **2 (2+0)**
Prerequisite **Not required**

This course comprises of understanding in chemical analysis with respect to the sampling techniques and sample preparation, the principle of volumetric, titrimetric and gravimetric analysis. Emphasis is on the basic introduction to analytical data processing. Upon completion, students should be able to explain and relate the concept, principles, and techniques in principle of analytical chemistry as well as able to demonstrate basic principles of chemical analysis methods in problem solving.

Kursus **Prinsip Kimia Organik (CHM3072)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini akan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan tentang konsep ikatan kimia, penghibridan, teori asid-bes, pengenalan kepada kumpulan berfungsi, dan tatanama IUPAC bagi sebatian organik. Perbincangan juga melibatkan pengetahuan tentang stereokimia, penyesuaian alkana, sifat fizikal dan tindak balas kimia alkana, alkena, alkuna, dan benzena.

Course **The Principles of Organic Chemistry (CHM3072)**
Credit **2 (2+0)**
Prerequisite **Not required**

This course will enable students to gain knowledge on the concept of chemical bonding, hybridisation, acid-base theory, introduction to functional group and IUPAC nomenclature of organic compounds. The discussion also involves stereochemistry, conformation of alkanes, physical properties and chemical reactions of alkane, alkene, alkyne and benzene.

Kursus **Prinsip Ekologi (BDY3074)**
Kredit **4 (3+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan asas-asas ekologi dengan penekanan pada interaksi komponen biotik dan abiotik serta ciri-ciri unik hierarki ekologi termasuk populasi semula jadi, komuniti, dan ekosistem. Parameter asas untuk spesies tunggal, kepadatan populasi, kelahiran, pertalian spesies, potensi biotik, taburan usia, jadual hidup, dan interaksi antara populasi juga akan diuraikan. Persampelan lapangan memberi tumpuan kepada pelbagai kaedah persampelan haiwan dan tumbuhan dari pelbagai habitat mikro dalam ekosistem.

Course **Principles of Ecology (BDY3074)**
Credit **4 (3+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses fundamentals of ecology with emphasis on interactions of biotic and abiotic components and the unique attributes of ecological hierarchy including natural population, community and ecosystem. Basic parameters for single species population of density, natality, species affinity, biotic potential, age distribution, life table and interactions between populations will also be elaborated. Field sampling focuses on various animal and plant sampling methods from various microhabitats of the ecosystem.

Kursus Elektif Program

Kursus **Teknologi DNA Rekombinan (BIS3134)**
Kredit **4 (3+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip teknologi DNA rekombinan, yang merangkumi pengklonan gen, enzim molekul, elektroforesis, teknik PCR, pembinaan perpustakaan cDNA dan DNA genom, kajian ekspresi gen, analisis jujukan DNA, protein pengikat DNA, bioinformatik, dan teknologi transformasi genetik. Kursus ini juga menyediakan amali praktikal mengenai teknik asas DNA rekombinan.

Course **Recombinant DNA Technology (BIS3134)**
Credit **4 (3+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the principles of recombinant DNA technology, which covers gene cloning, molecular enzymes, electrophoresis, PCR techniques, cDNA and genomic DNA library construction, gene expression study, DNA sequence analysis, DNA binding protein, bioinformatic and genetic transformation technology. The course provides hands-on practicals on basic recombinant DNA techniques.

Kursus **Mikrobiologi Lanjutan (BIS3143)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini akan membolehkan pelajar mendalami bidang mikrobiologi dengan lebih lanjut dan mempelajari aplikasinya dalam aspek perubatan, pertanian, industri, makanan, dan alam sekitar. Kursus ini juga menyediakan amali praktikal mengenai teknik mikrobiologi lanjutan. Kepentingan mikroorganisma akan diketengahkan melalui kerja komuniti yang menekankan kepentingan mikroorganisma dalam alam sekitar dan juga kesihatan peribadi.

Course **Advanced Microbiology (BIS3143)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course will enable students to delve into the field of microbiology further and learn its applications in the aspects of medicine, agriculture, industry, food and environment. The course also provides hands-on practicals on advanced microbiology techniques. The importance of microbes will be highlighted through community work which emphasise on the importance of microorganisms in the environment and also personal health.

Kursus **Virologi (BIS3153)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan struktur asas virus, kaedah replikasi, strategi kawalan, dan kaedah pengenalpastian melalui teknik makmal. Kursus ini melengkapkan pengetahuan yang diperoleh daripada kursus mikrobiologi lain, dengan menekankan kepentingan virus dalam jangkitan pada manusia dan haiwan. Setelah tamat kursus, pelajar seharusnya mampu menjelaskan pembahagian taksonomi virus dan telah memperoleh pengalaman asas praktikal makmal dalam bidang virologi.

Course **Virology (BIS3153)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the basic structure of viruses, replication methods, control strategies and identification through laboratory methods. It complements the knowledge gained from other microbiology courses, giving emphasis on the importance of viruses in infections in both human and animals. On the completion of the course, students should be able to account for taxonomic subdivision of viruses and have acquired basic practical laboratory experience in the field of virology.

Kursus **Teknik-teknik Mikroskopi (BIS4003)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menyediakan pengetahuan asas dan lanjutan mengenai penggunaan mikroskop dan teknik pewarnaan berkaitan dalam bidang biologi serta akan membantu pelajar menjadi lebih mahir dalam penggunaan mikroskop. Pengetahuan mengenai mikroskop cahaya, fluoresen, imbasan dan transmisi elektron, serta mikroskop konfokal akan dibincangkan dalam kursus ini, termasuk bahagian mikroskop, mekanisma, dan penggunaannya. Penggunaan mikroskop adalah penting untuk kursus lain dalam bidang biologi dan kajian berkaitan yang lain.

Course **Microscopy Techniques (BIS4003)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course provides basic and advanced knowledge on the use of microscopes and related staining techniques in the field of biology and will help students to be more proficient in the use of microscopes. Knowledge on the light, fluorescence, scanning and transmission electron microscopy as well as confocal microscopes are covered in this course from the microscope parts, mechanism and the usage of the microscopes. The use of microscope is important for other courses in the field of biology and other related studies.

Kursus **Isu Kontemporari dalam Biologi (BIS4012)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan isu-isu kontemporari (saintifik dan teknikal) dalam sains biologi. Kursus ini menyediakan pengetahuan mengenai isu-isu semasa dan kesannya terhadap senario sosial dan alam sekitar. Melalui pelbagai aktiviti berasaskan pelajar, pelajar akan mempelajari kaedah dan proses sains, serta menilai secara kritis penerbitan penyelidikan saintifik dalam jurnal yang dikaji, di samping memperluas pengetahuan mereka dalam topik penyelidikan saintifik. Antara isu yang akan dibincangkan termasuk perubahan iklim dan pemanasan global, keselamatan dan kelestarian biologi, penyakit pandemik, kejuruteraan genetik dan terapi gen, bioinformatik, serta kecerdasan buatan.

Course **Contemporary Issues in Biology (BIS4012)**
Credit **2 (2+0)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses contemporary issues (scientific and technical) in biological science. This course provides knowledge on current issues and their impact on social and environmental scenarios. Through various learner-based activities, students will learn the methods and process of science, and critically evaluate scientific research publications in peer-reviewed journals as well as to broaden their knowledge base in scientific research topics. Among the issues to be addressed include climate change and global warming, biological security and sustainability, pandemic diseases, genetic engineering and gene therapy, bioinformatics and artificial intelligence.

Kursus **Pengisyaratan Sel (BIS4023)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada cara-cara kompleks bagaimana organisma menyelaraskan perubahan dan penyesuaian untuk berkomunikasi dengan persekitaran mereka. Pelajar akan mempelajari tentang molekul-molekul yang terlibat dalam komunikasi sel - dari persekitaran mereka hingga mengatur pertumbuhan, perubahan, perkembangan, dan stasis mudah dalam dunia luaran sel yang sentiasa berubah. Pelajar juga akan diperlihatkan mekanisma bagaimana molekul-molekul ini berinteraksi antara satu sama lain dalam laluan yang saling berkaitan. Laluan dan mekanisma isyarat sel yang terpilih dalam keadaan normal dan berpenyakit akan dibincangkan. Akhirnya, perkembangan terkini yang berkaitan dengan bidang ini akan dikongsi dengan pelajar.

Course **Cell Signaling (BIS4023)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course exposes the students to the complex ways of how organisms coordinate changes and adaptation to communicate to their environment. Students will learn about the molecules that contribute in the cell communications - from their environment to orchestrating growth, change, development and simple stasis in the ever-changing external world. Students will also be showing to mechanisms of these molecules to interact to each other in the interconnected pathways. Selected pathways and mechanisms of cell signaling at the normal and disease conditions will be discussed. Finally, the latest development related to the field will be shared with students.

Kursus **Bioteknologi Haiwan (BIS4033)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip asas bioteknologi, khususnya bioteknologi haiwan. Kursus ini memberi tumpuan kepada perkembangan terkini dalam teknologi kultur sel haiwan. Ia merangkumi jenis-jenis kultur sel haiwan, penubuhan makmal kultur sel haiwan, kultur dan penyelenggaraan kultur sel haiwan, pengasingan sel, serta teknik-teknik khusus seperti transfeksi dan penghasilan antibodi monoklonal. Aplikasi kultur sel haiwan sebagai model penyakit juga akan dibincangkan.

Course **Animal Biotechnology (BIS4033)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the basic principles of biotechnology particularly animal biotechnology. It primarily deals with the current development of animal cell culture technology. It covers the types of animal cell cultures, setting up animal cell culture lab, culture and maintenance of animal cell cultures, isolation of cells and specialised techniques

such as transfection and production of monoclonal antibodies. The application of animal cell culture as a disease model is also included.

Kursus **Produk Semulajadi Marin (BIS4043)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menyediakan konsep asas dalam produk semula jadi marin dan sumber-sumber yang terlibat. Penekanan diberikan kepada bagaimana metabolit bioaktif yang dihasilkan daripada organisma marin (seperti span, kolenterat, moluska, bakteria, kulat, rumpai laut, dan alga) menyumbang kepada pembangunan ubat-ubatan. Sebatian yang dihasilkan termasuk steroid, terpenoid, dan isoprenoid. Teknik terkini untuk penyaringan dan penilaian metabolit bioaktif, termasuk teknik pemisahan dan pemencilan, biosintesis produk semula jadi, serta perincian mengenai toksin dan peptida marin juga akan dibincangkan.

Course **Marine Natural Product (BIS4043)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course provides the basic concepts in marine natural products and resources involved. The emphasis is on how the resulting bioactive metabolites from marine organisms (such as sponges, coelenterates, molluscs, bacteria, fungi, seaweed and algae) contribute to drugs development. The produced compounds include steroids, terpenoids and isoprenoids. The latest techniques for screening and evaluation of bioactive metabolites including separation and isolation techniques, the biosynthesis of natural products and details on marine toxins and peptides will also be discussed.

Kursus **Bioteknologi Industri (BIS4053)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini memberikan pelajar tentang pengenalan, skop, dan bidang penyelidikan dalam sektor bioteknologi industri di Malaysia serta senario global. Kursus ini juga akan menumpukan kepada interaksi antara penemuan saintifik, proses, aplikasi, dan cabaran dalam bidang bioteknologi. Bidang fokus termasuk mikrobiologi dalam industri makanan dan minuman, bioreaktor dan aplikasinya, penggunaan enzim bebas dan tidak bergerak dalam pelbagai industri, biodiesel, penjagaan kesihatan termasuk penghasilan antibiotik, pertanian, dan bioremediasi. Pelajar akan didedahkan kepada isu-isu, bioetika, peraturan, harta intelek, kemudahan, dan kepakaran yang diperlukan dalam industri bioteknologi. Kursus ini juga akan melibatkan lawatan industri ke agensi berkaitan untuk mendedahkan pelajar kepada senario sebenar bioteknologi industri, khususnya di Malaysia.

Course **Industrial Biotechnology (BIS4053)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course provides students with an introduction, scope and field of research in industrial biotechnology sector in Malaysia and global scenario. This course will also focus on the interaction between scientific discoveries, processes, applications and challenges in the field of biotechnology. Focus areas include microbiology in the food and beverage industry, bioreactors and their applications, use of free and immobilized enzymes in various industries, biodiesel, health care including antibiotics production, agriculture and bioremediation. Students will be exposed to issues, bioethics, regulatory, intellectual property, facilities and expertise needed in the biotechnology industry. This course will involve an industrial visit to the related industries in order to expose the students on the actual industrial biotechnology scenario, particularly in Malaysia.

Kursus **Teknologi Enzim (BIS4063)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan prinsip dan teknologi yang diterapkan dalam enzimologi. Topik yang akan dibincangkan termasuk sejarah dan sorotan teknologi enzim; prinsip enzim dari segi struktur, mekanisma, dan kinetik tindak balas serta analisis data; penyediaan dan penggunaan enzim termasuk pengekstrakan, penyaringan, pemilihan media, teknik pemisahan, penulenan dan pencirian, penyediaan enzim untuk skala komersial, serta aspek keselamatan dan peraturan dalam penggunaan enzim; sistem enzim tersekat gerak termasuk kaedah, kinetik, dan kegunaannya; penggunaan enzim pada skala besar termasuk pemangkin dalam pelarut organik, aplikasi industri dan perubatan; enzim sebagai biosensor; serta perkembangan terkini dan prospek masa depan teknologi enzim.

Course **Enzyme Technology (BIS4063)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the principles and technology applied in enzymology. Topics covered include history and highlights of enzyme technology; enzyme principles from the structure, mechanism and reaction kinetics as well as data analysis; enzyme preparation and uses including extraction, screening, selections of media, techniques in separation, purification and characterization, preparation of enzyme for commercial scales as well as security aspect and rules in enzyme usage; immobilized enzyme system including methods, kinetics and uses; application of enzymes in a big scale including catalysis in organic solvents, industrial application and applications in medicine; enzyme as biosensors; and, recent developments and future prospect of enzyme technology.

Kursus **Bioteknologi Tumbuhan Gunaan (BIS4073)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini meneroka penggunaan bioteknologi untuk menghasilkan variasi genetik dalam tumbuhan dan memahami bagaimana faktor-faktor pada peringkat sel menyumbang kepada ekspresi genotip dan seterusnya variasi fenotip. Penekanan diberikan kepada mekanisma molekul yang mengarahkan ekspresi gen tumbuhan di bawah pelbagai rangsangan persekitaran dan perkembangan. Pengetahuan ini penting untuk keupayaan kita mengubah tindak balas dan sifat tumbuhan demi keselamatan makanan global dan keuntungan komersial dalam bioteknologi dan pertanian. Pendekatan pembelajaran berasaskan masalah digunakan untuk menunjukkan penggunaan pelbagai teknologi omik (seperti genomik, proteomik, dan metabolomik) untuk memperoleh pengetahuan ini. Dalam kelas amali, pelajar akan menjalankan beberapa teknik yang digunakan untuk menghasilkan maklumat dan mengesan variasi genetik. Konsep utama kursus ini akan diintegrasikan dalam beberapa kajian kes, dan pelajar akan meningkatkan keupayaan mereka untuk menerapkannya dalam situasi baru dalam sesi penyelesaian masalah dan projek perancangan penyelidikan mereka sendiri.

Course **Applied Plant Biotechnology (BIS4073)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course explores the use of biotechnology to both generate genetic variation in plants and to understand how factors at the cellular level contribute to the expression of genotypes and hence to phenotypic variation. There is an emphasis on the molecular mechanisms directing plant gene expression under diverse environmental and developmental stimuli. This knowledge is central to our ability to modify plant responses and properties for global food security and commercial gains in biotechnology and agriculture. A problem-based learning approach is employed to demonstrate the use of various omics technologies (such as genomics, proteomics and metabolomics) to gain this knowledge. In the laboratory classes, students will perform some of the techniques currently used to generate information and detect genetic variation. The key concepts of the course will be integrated in a series of

case studies, and students will enhance their ability to apply them to novel situations in problem-solving sessions and their own research planning project.

Kursus **Protozoologi (BIS4083)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini adalah kursus pilihan yang bertujuan memberikan pelajar pengetahuan tentang kepelbagaian dan peranan empat kumpulan protozoa dalam persekitaran, termasuk sebagai parasit atau penyebab penyakit dalam manusia dan haiwan secara terperinci. Isu-isu semasa yang berkaitan dengan protozoa juga akan dibincangkan dalam kursus ini. Kursus ini melengkapkan dan mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang mikrobiologi berkaitan untuk pelajar biologi.

Course **Protozoology (BIS4083)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course is an elective course, aimed at giving students knowledge about diversity and role of four groups of protozoa in the environment including as a parasite or causes of disease in humans and animals in detail. Current issues related with the protozoa are also covered in this course. This course complements and enhances the knowledge in the field of microbiology related courses for biology students.

Kursus **Pengawalatur Tumbesaran Tumbuhan (BIS4093)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan pengkelasan hormon tumbuhan berdasarkan fungsi, biosintesis, mekanisma perlakuan, dan penggunaan pengawalaturan tumbesaran tumbuhan (PGR) dalam pertumbuhan dan perkembangan pokok, permulaan berbunga, perlekatan dan keguguran buah, serta pascatuai. Kesan sisabaki PGR dan interaksi antara PGR dan persekitaran akan turut diberi penekanan.

Course **Plant Growth Regulators (BIS4093)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the classification of plant hormones based on function, biosynthesis, mechanism of action and application of plant growth regulators (PGR) in plant growth and development, flowering initiation, fruit setting and abortion, and post harvesting will be discussed. Residual effects of PGR and the interactions between PGR and the environment will be emphasized.

Kursus **Immunologi (BIS4103)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan prinsip asas kepada pelbagai elemen dalam sistem imun manusia. Ini termasuk pengkelasan sistem imun, struktur, fungsi, dan pengkelasan antibodi, ciri-ciri imunogen dan antigen, serta penghasilan kepelbagaian sel yang terlibat dalam interaksi dan pengaktifan tindak balas imun.

Course **Immunology (BIS4103)**
Credit **3 (2+1)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the basic principle to the various elements in human immune system. This includes the classification of immune system, structure, function and classification of antibodies, characteristic of immunogens and antigens, including the production of diversity of cells that involve in the interaction and activation of immune response.

Kursus **Bio-keusahawanan (BIS4112)**
Kredit **2 (0+2)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menekankan pemupukan budaya keusahawanan di kalangan pelajar supaya mereka dapat menghargai nilai keusahawanan dalam bidang kepakaran masing-masing. Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar kepada definisi, prinsip, dan amalan menggunakan mana-mana entiti biologi atau idea berkaitan sains untuk memperoleh keuntungan dan menubuhkan perniagaan. Pelajar akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan merancang perniagaan yang boleh dipasarkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pelajar akan menyediakan laporan tentang semua aktiviti yang dijalankan sepanjang semester dan diakhiri dengan pembentangan.

Course **Bioentrepreneurship (BIS4112)**
Credit **2 (0+2)**
Prerequisite **Not required**

This course emphasizes the inculcation of entrepreneurial culture among students so that they can appreciate the value of entrepreneurship in their respective fields of expertise. This course will also expose students to the definition, principles and practices of using any biological entities or any idea related to science to acquire profit and establish a business. Students will be divided into several groups and plan for a business that can be marketed within the prescribed period. Students will prepare a report of all the activities carried out during the semester and conclude with a presentation.

Kursus **Ekologi Biokimia (BIS4123)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan pengetahuan dan peranan prinsip biokimia dan kimia dalam hubungan ekologi pelbagai organisma dalam persekitaran abiotiknya. Topik yang diberi penekanan merangkumi pelbagai sistem isyarat kimia sebagai medium interaksi antara haiwan, tumbuhan, dan persekitaran abiotik. Kajian lapangan akan membolehkan pelajar memerhati fenomena interaksi biokimia-persekitaran termasuk sistem pertahanan dan pengeluaran toksin. Teknik-teknik semasa dalam genomik dan metabolomik yang digunakan dalam penyelidikan juga akan dibincangkan.

Course **Ecological Biochemistry (BIS4123)**
Credit **3 (3+0)**
Prerequisite **Not required**

This course discusses the knowledge and principle role of biochemistry and chemistry in the ecological relationship of various organisms in their abiotic environment. Topics include numerous chemical signaling systems as a medium of interaction among animals, plants and abiotic environment are emphasized. A field study will allow students to capture the phenomenon of biochemical-environment interaction including the defense systems and toxin produced. Current techniques in genomic and metabolomic used in research also will be discussed.

Kursus **Denggi dan Zika - Ancaman Kesehatan Global (BIS4131-E)**
Kredit **1 (1+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan penyakit denggi dan zika yang disebabkan oleh dua virus dari famili yang sama, *Flaviviridae*; iaitu virus denggi dan virus zika. Kursus ini menerangkan biologi setiap virus dari segi struktur, organisasi genom, dan strategi replikasi dalam hos sel. Penyebaran kedua-dua virus denggi dan zika kepada individu yang terdedah berlaku melalui nyamuk sebagai vektor artropod. Oleh itu, faktor-faktor yang berkaitan dengan biologi nyamuk, ekologi, dan tingkah laku manusia mungkin menyumbang kepada dinamik denggi, yang akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam kursus ini. Kesan jangkitan virus denggi dan zika terhadap sistem imun manusia yang mengakibatkan manifestasi klinikal asimtomatik atau teruk juga akan dibincangkan. Selain itu, kursus ini akan menyoroti diagnosis makmal semasa dan rawatan, serta kemajuan dalam pembangunan terapi antiviral dan vaksin terhadap kedua-dua virus.

Course **Dengue and Zika – Global Health Threats (BIS4131-E)**
Credit **1 (1+0)**
Prerequisite **Not required**

This course introduces dengue and zika diseases which are caused by two viruses of the same family Flaviviridae; dengue virus and zika virus. This course explains the biology of each viruses in terms of their structure, genome organisation and replication strategy in cellular hosts. Transmission of both dengue and zika viruses to susceptible individuals occurs through mosquitoes as an arthropod vector. Thus, factors correlating the mosquito biology, ecology and human behaviour may contribute to the dynamics of dengue, which will be explained further in this course. The impact of both dengue and zika viral infections to human immune system resulting asymptomatic or severe clinical manifestations will also be discussed. Further, this course highlights the current lab diagnosis and treatment, as well as the progress of development of antiviral therapy and vaccine against both viruses.



PROGRAM
SARJANA MUDA SAINS
(KIMIA ANALISIS DAN
PERSEKITARAN)
DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (KIMIA ANALISIS DAN PERSEKITARAN) DENGAN KEPUJIAN

Pengenalan

Teras utama program ini adalah berasaskan kepada tiga bidang utama iaitu Sains Kimia, Kimia Analisis dan Kimia Persekitaran. Program ini telah direka bentuk bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bidang Sains Gunaan berkonsepkan Kimia Analisis Alam Sekitar kepada para pelajar, membekalkan dan meningkatkan keupayaan pelajar dalam menganalisis dan merumuskan sesuatu perkara serta melatih pelajar dalam penggunaan alat radas, bahan kimia dan instrumen yang berkaitan. Program ini juga adalah untuk melahirkan individu yang bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan negara berlaku dalam persekitaran yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan seperti yang dicadangkan oleh -dalam Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) Malaysia.

Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives, PEO)

Dalam tempoh beberapa tahun selepas berjaya menamatkan program ini, graduan akan menjadi graduan yang :

Mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam mengaplikasikan teori kimia analisis dan sekitaran secara digital sejajar dengan keperluan industri.

Berkebolehan untuk menyelesaikan masalah analisis dan numerasi secara kritis dan beretika.

Mampu berkomunikasi secara efektif dan boleh kemahiran interpersonal serta sifat kepimpinan dalam organisasi.

Berkeupayaan menonjolkan kemahiran keusahawanan dan pembangunan sendiri.

Objektif pendidikan program Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) adalah untuk menghasilkan graduan yang:

- mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknika dalam mengaplikasikan teori kimia analisis dan sekitaran secara digital sejajar dengan keperluan industri;
- berkebolehan untuk menyelesaikan masalah analisis dan numerasi secara kritis dan beretika;
- mampu berkomunikasi secara efektif dan kemahiran interpersonal serta sifat kepimpinan dalam organisasi; dan,
- berkeupayaan menonjolkan kemahiran keusahawanan dan pembangunan sendiri.

Prospek Kerjaya

Terdapat banyak peluang kerjaya yang memerlukan graduan daripada Program Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian, antaranya kerjaya yang boleh diceburi oleh graduan daripada program tersebut ini ialah adalah:

- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Ahli Kimia Pembangunan Produk
- Ahli Kimia Pembangunan Proses
- Ahli Kimia Analisis
- Ahli Kimia Forensik
- Ahli Kimia Awam
- Pensyarah
- Guru dan lain-l

**SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA SAINS (KIMIA ANALISIS DAN PERSEKITARAN) DENGAN KEPUJIAN
Penilaian Impak Persekitaran (EIA) merupakan salah satu kaedah perancangan pembangunan terancang dalam membantu para pembuat keputusan (Kerajaan) dalam pengurangan dan pengawalan pencemaran alam sekitar daripada aktiviti pembangunan. Garis panduan, polisi, peraturan dan tindakan dinyatakan bagi memberikan maklumat penting dalam membantu sama ada projek akan dipersetujui atau tidak untuk kepentingan masa hadapan. Pelajar akan dilengkapi dengan kemahiran pemahaman, menilai secara kritikal kesan pembangunan terhadap persekitaran dan pihak yang berkepentingan. Proses EIA ini mengintegrasikan Terma Rujukan (TOR) dan Rancangan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) untuk menyediakan, merancang dan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan sosio-ekonomi. Secara keseluruhannya, objektif utama EIA adalah untuk mengekalkan kelestarian pembangunan dibantu oleh Teknologi 4.0.

Environmental impact assessment (EIA) is one of regulated development planning method as to assist the decision makers (governments) in the mitigation and controlling environmental pollution from development activities. Guidelines, policies, regulations and acts are disclosed to provide critical information to assist in whether a project will be approved or not for future benefit. Students will be equipped with the skills to understand, critically evaluate the impact of the development on the environment and stakeholders. The process of EIA is integrating Term of Reference (TOR) and Environmental Management Plan (EMP) to prepare, plan and mitigate from the impact from the environmental and socio-economic. Overall, the main objective of EIA is to maintain the sustainability of a development assisted by Technology 4.0.

Kursus **Teknologi Rawatan Air dan Air Sisa (AEC4783)**
Jam kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan ciri-ciri, kriteria, prinsip rawatan dan pengedaran air serta komponennya. Kursus ini juga menekankan kepatuhan terhadap piawai, peraturan dan undang-undang yang digubal. Reka bentuk teknologi rawatan air dan sisa air juga akan diajar termasuk isu-isu dan amalan semasa. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat menggunakan pengetahuan asas tentang rawatan air dan sisa air ke sebagai amalan

This course discusses resources, characteristics, criteria, principles of treatment and water distribution as well as its components. This course will also emphasize the compliance towards standards, regulations and laws drawn. Design of water and wastewater treatment technology will also be taught including the issues and current practices. At the end of the course, students will be able to use the fundamental knowledge on water and wastewater treatment into practise.



PROGRAM
SARJANA MUDA SAINS
(SAINS KIMIA)
DENGAN KEPUJIAN

PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (SAINS KIMIA) DENGAN KEPUJIAN

Pengenalan

Program Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) Dengan Kepujian merupakan program yang ditawarkan oleh Fakulti Sains dan Sekitaran Marin bagi menyokong kepentingan strategik negara yang melibatkan amalan kimia di Malaysia. Kurikulum kursus ini dirangka berdasarkan input terkini daripada pemegang taruh serta kesetaraan dengan universiti penanda aras terbaik dunia dalam bidang kimia yang meliputi bidang kimia fizikal, analisis, organik, tak organik dan bahan kimia termaju. Pelaksanaan program turut disokong dengan prasarana penyelidikan serta teknik terkini. Setiap kursus yang ditawarkan melibatkan manifestasi dalam industri melalui penglibatan penceramah jemputan industri yang berkaitan, bagi melahirkan graduan yang seimbang dari segi pengetahuan teori serta praktikal. Program ini juga bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai kepimpinan yang tinggi, beretika, profesional serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara pada masa kini dan masa hadapan.

Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives, PEO)

Objektif pendidikan program Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) Dengan Kepujian adalah untuk menghasilkan graduan yang:

- berpengetahuan luas, berkemahiran teknikal dan berupaya mengaplikasi ilmu yang meliputi data kuantitatif dan kualitatif dalam menyelesaikan masalah dalam bidang sains kimia;
- mendaulatkan nilai etika dan profesional dalam bidang penyelidikan serta penyampaian perkhidmatan tanpa mengabaikan tanggungjawab sosial;
- menunjukkan keupayaan untuk berkomunikasi secara efektif melalui kemahiran digital dan boleh memimpin secara berkesan; dan,
- berupaya untuk mengenalpasti peluang keusahawanan dan keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk perkembangan kerjaya

Prospek Kerjaya

Terdapat banyak peluang kerjaya yang memerlukan graduan daripada bidang Sains Kimia. Antara kerjaya yang boleh diceburi oleh graduan dari program tersebut adalah:

- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Ahli Kimia Pembangunan Produk
- Ahli Kimia Pembangunan Proses
- Ahli Kimia Analisis
- Ahli Kimia Forensik
- Ahli Kimia Awam
- Pensyarah
- Guru

**SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA SAINS (SAINS KIMIA) DENGAN KEPUJIAN
SESI 2024/2025**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2(2+0)		MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)	
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)		COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	
CHM3012	Amali Kimia Asas	2(0+2)		CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)	
CHM3002-E	Pengurusan dan Keselamatan Bahan Kimia	2(2+0)		CHM3123	Kimia Fizik	3(3+0)	
CHM3102	Kimia Fizik Asas	2(2+0)		CHM3223	Mekanisma dalam Kimia Organik	3(3+0)	
CHM3202	Kimia Organik Asas	2(2+0)		CHM3211	Amali Kimia Organik	1(0+1)	
CHM3302	Kimia Tak Organik Asas	2(2+0)		CHM3323	Kimia Tak Organik	3(3+0)	
CHM3402	Kimia Analisis	2(2+0)		CHM3311	Amali Kimia Tak Organik	1(0+1)	
MTK3032	Statistik Untuk Kimia	2(2+0)			Elektif	4	
CCXXXX	Ko-Kurikulum	2					
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER PENDEK							
	Elektif	10					
JUMLAH		10					
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
BBB3013	<i>Academic Writing Skills</i>	3(3+0)		BBB3033	<i>English for Occupational Purposes</i>	3(3+0)	
CHM3111	Amali Kimia Fizik	1(0+1)		CHM3342	Kimia Organologam Peralihan	2(2+0)	
CHM3233	Kimia Sebatian Karbonil	3(3+0)		CHM3443	Instrumentasi Kimia	3(2+1)	
CHM3333	Kimia Koordinatan	3(3+0)		CHM3133	Kimia Koloid	3(3+0)	
CHM3513	Kimia Polimer	3(2+1)		CHM3243	Penentuan Struktur Sebatian Kimia	3(3+0)	
CHM3032	Kaedah Penyelidikan dalam Sains Kimia	2(2+0)		CHM4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2(0+2)	
	Elektif	5			Elektif	4	
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)		CHM49710	Latihan Industri	10(0+10)	
CHM4353	Kimia Keadaan Pepejal	3(3+0)					
CHM4143	Spektroskopi Molekul	3(3+0)					
CHM4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4(0+4)					
	Elektif	7					
JUMLAH		20		JUMLAH		10	
JUMLAH KREDIT BERGRADUAT							120

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti Program Survival dan Keselamatan Air sebagai syarat bergraduat.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada jumlah jam kredit elektif yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada bilangan kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke - 170 Tahun 2023

**INTERNATIONAL STUDENT COURSE SCHEME
BACHELOR OF SCIENCE (CHEMICAL SCIENCES) WITH HONOURS
SESION 2024/2025**

COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOUR	PRE-REQUISITE	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOUR	PRE-REQUISITE
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
MPU3143	Malay Language Communicative	2(2+0)		MPU3352	Integrity and Anti-Corruption	2(2+0)	
CHM3002-E	Chemical Safety and Management	2(0+2)		MPU3132	Appreciation of Ethics and Civilisations	2(2+0)	
CHM3012	Basic Chemistry Practical	2(2+0)		BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	
CHM3102	Basic Physical Chemistry	2(2+0)		CHM3123	Physical Chemistry	3(3+0)	
CHM3202	Basic Organic Chemistry	2(2+0)		CHM3223	Mechanism in Organic Chemistry	3(3+0)	
CHM3302	Basic Inorganic Chemistry	2(2+0)		CHM3211	Organic Chemistry Practical	1(0+1)	
CHM3402	Analytical Chemistry	2(2+0)		CHM3323	Inorganic Chemistry	3(3+0)	
MTK3032	Statistics for Chemistry	2(3+0)		CHM3311	Inorganic Chemistry Practical	1(0+1)	
	Elective	4			Elective	2	
TOTAL		20		JUMLAH		20	
SHORT SEMESTER							
	Elective	10					
TOTAL		10					
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
BBB2023	Public Speaking	3(3+0)		CHM3342	Organotransition Metal Chemistry	2(2+0)	
CHM3111	Physical Chemistry Practical	1(0+1)		CHM3443	Chemical Instrumentation	3(2+1)	
CHM3233	Chemistry of Carbonyl Compounds	3(3+0)		CHM3133	Colloid Chemistry	3(3+0)	
CHM3333	Coordination Chemistry	3(3+0)		CHM3243	Structural Identification of Chemical Compounds	3(3+0)	
CHM3513	Polymer Chemistry	3(2+1)		CHM4982	Final Year Project I	2(0+2)	
CHM3032	Research Method in Chemical Sciences	2(2+0)			Elective	7	
CCXXXX	Co-Curriculum	2					
	Elective	3					
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)		CHM49710	Industrial Training	10(0+10)	
CHM4353	Solid State Chemistry	3(3+0)					
CHM4143	Molecular Spectroscopy	3(3+0)					
CHM4994	Final Year Project II	4(0+4)					
	Elective	7					
JUMLAH		20		JUMLAH		10	
TOTAL CREDIT HOURS						120	

Notes:

- Students are required to undertake the Survival and Water Safety Program as a condition to graduate.
- The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the number of elective credit hours set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the number of elective courses taken.
- The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke - 170 Tahun 2023

Kategori Kursus Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian

Kursus Teras Universiti (YW)

Kod	Nama kursus	Kredit	Prasyarat
BBB3013	<i>Academic Writing Skills</i>	3 (3+0)	Muet Band 3 ke atas
BBB3033	<i>English for Occupational Purposes</i>	3 (3+0)	Tiada
MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	Tiada
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	Tiada
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	Tiada
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2 (2+0)	Tiada
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)	Tiada
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)	Tiada
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	Tiada
Jumlah		20	

Kursus Teras Program Pengajian (YW)

Kod	Nama kursus	Kredit	Prasyarat*
CHM3002-E	Pengurusan dan Keselamatan Bahan Kimia	2 (2+0)	Tiada
CHM3012	Amali Kimia Asas	2 (0+2)	Tiada
CHM3032	Kaedah Penyelidikan dan Sains Kimia	2 (2+0)	Tiada
CHM3102	Kimia Fizik Asas	2 (2+0)	Tiada
CHM3111	Amali Kimia Fizik	1 (0+1)	Tiada
CHM3123	Kimia Fizik	3 (3+0)	Tiada
CHM3133	Kimia Koloid	3 (3+0)	Tiada
CHM3202	Kimia Organik Asas	2 (2+0)	Tiada
CHM3211	Amali Kimia Organik	1 (0+1)	Tiada
CHM3223	Mekanisma dalam Kimia Organik	3 (3+0)	Tiada
CHM3233	Kimia Sebatian Karbonil	3 (3+0)	Tiada
CHM3243	Penentuan Struktur Sebatian Kimia	3 (3+0)	Tiada
CHM3302	Kimia Tak Organik Asas	2 (2+0)	Tiada

CHM3311	Amali Kimia Tak Organik	1 (0+1)	Tiada
CHM3323	Kimia Tak Organik	3 (3+0)	Tiada
CHM3333	Kimia Koordinatan	3 (3+0)	Tiada
CHM3342	Kimia Organologam Peralihan	2 (2+0)	Tiada
CHM3402	Kimia Analisis	2 (2+0)	Tiada
CHM3443	Instrumentasi Kimia	3 (2+1)	Tiada
CHM3513	Kimia Polimer	3 (2+1)	Tiada
CHM4143	Spektroskopi Molekul	3 (3+0)	Tiada
CHM4353	Kimia Keadaan Pepejal	3 (3+0)	Tiada
CHM4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)	Tiada
CHM4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)	Tiada
CHM49710	Latihan Industri	10 (0+10)	Tiada
MTK3032	Statistik untuk Kimia	2 (2+0)	Tiada
Jumlah		7 0	

Kursus Elektif Program (ELF - 30 kredit)

Pelajar amat digalakkan untuk mengambil kursus elektif yang tersenarai di bawah sebagai kursus elektif program. Senarai kursus elektif ini akan ditambah bergantung kepada kursus baharu/terkini yang akan ditawarkan oleh FSSM dari semasa ke semasa.

Kod	Nama kursus	Kredit	Prasyarat*
CHM3252	Kimia Sebatian Semulajadi	2 (2+0)	Tiada
CHM4113	Kimia Kuantum	3 (3+0)	Tiada
CHM4123	Kimia Permukaan	3 (3+0)	Tiada
CHM4133	Elektrokimia	3 (3+0)	Tiada
CHM4213	Kimia Heterosiklik	3 (3+0)	CHM3233 (WL)
CHM4223	Kimia Lipid	3 (3+0)	Tiada
CHM4233	Kimia Organik Fizik	3 (3+0)	Tiada
CHM4242	Kimia Biomolekul	2 (2+0)	Tiada
CHM4253	Kimia Organik Sintesis	3 (3+0)	Tiada
CHM4313	Kimia Organologam Peralihan Lanjutan	3 (3+0)	Tiada

CHM4323	Kimia Koordinatan Lanjutan	3 (3+0)	Tiada
CHM4333	Kimia Kluster	3 (3+0)	Tiada
CHM4343	Kimia Fullarena	3 (3+0)	Tiada
CHM4513	Kimia Polimer Industri	3 (3+0)	Tiada
CHM4523	Kimia Cat dan Penglitup	3 (3+0)	Tiada
CHM4533	Kimia Bahan Industri	3 (3+0)	Tiada
CHM4543	Kimia Seramik	3 (3+0)	Tiada
CHM4553	Teknik Analisis Permukaan	3 (3+0)	Tiada
CHM4563	Petrokimia	3 (3+0)	Tiada
CHM4573	Kimia Sintetik dan Aplikasi	3 (2+1)	Tiada
CHM4583	Kimia Kosmetik	3 (3+0)	Tiada
CHM3703	Kimia Alam Sekitar	3 (3+0)	Tiada
CHM3083	Keusahawanan Kimia	3 (1+2)	Tiada
CHM3092	Fotokimia	2 (2+0)	Tiada
CHM4352	Kimia Bio-Tak Organik	2 (2+0)	Tiada
CHM4363	Kimia Pengkomputeran	3 (3+0)	Tiada
CHM4613	Teknologi Getah dan Elastomer	3 (3+0)	Tiada
CHM4623	Penyebatan dan Fabrikasi Polimer	3 (3+0)	Tiada

Jumlah keperluan bergraduat

120 kredit

***WA (Wajib Ambil) *WL (Wajib Lulus)**

Bermula Sesi Kemasukan 2024/2025, pendaftaran kursus berprasyarat boleh dibuat sekiranya pelajar telah **mengambil** atau telah **lulus** bagi kursus yang ditetapkan tertakluk kepada keperluan program pengajian.

Peringatan:

Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT (Edisi 10) bagi penambahan dan pengurangan kursus.

Pelajar dikehendaki menyemak senarai kursus yang telah didaftarkan secara 'online'. Mana-mana pelajar yang tidak membuat semakan/pengesahan kursus selepas minggu ke-4, segala maklumat berkenaan pendaftaran kursus tersebut yang telah didaftarkan secara 'online' adalah dianggap betul.

Pelajar dinasihatkan menyemak maklumat akademik masing-masing melalui portal MyNemo pelajar:

<http://mynemo.umt.edu.my>

SINOPSIS KURSUS PROGRAM SARJANA MUDA SAINS (SAINS KIMIA) DENGAN KEPUJIAN
Course Synopsis for the Bachelor of Science in Chemical Sciences with Honours

Kursus Teras Program
Core Programme Courses

Kursus **Pengurusan dan Keselamatan Bahan Kimia (CHM3002-E)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan tentang keselamatan secara umum termasuk perlindungan diri dan peralatan keselamatan dan juga pengenalanpastian bahaya kimia. Ia juga memberi tumpuan kepada klasifikasi kimia yang meliputi hubungan antara bahan kimia dan toksikologi, pelabelan, pengendalian, penyimpanan dan bahan kimia pengangkutan. juga akan dibincangkan. Topik lain seperti pengurusan sisa kimia, nyalaan, akta keselamatan kimia dan pengurusan, pangkalan data kimia akan dibincangkan dalam kursus ini. Kursus ini akan membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dalam prinsip asas pengurusan dan keselamatan bahan kimia dan aplikasinya di makmal, tempat kerja dan industri untuk pelbagai isu dan masalah keselamatan.

This course discusses safety in general including self-protection and safety equipment and also the identification of chemical hazards. It also focuses on chemical classification which covers the relationship between chemicals and their toxicology, labelling, handling, storage and transportation of chemicals. will also be discussed. Other topics such as chemical waste management, flame, chemical safety acts and management, and chemical database will be discussed in this course. This course will enable students to gain knowledge in the basic principles of management and safety of chemicals and their applications in laboratories, workplaces and industries for various safety issues and problems.

Kursus **Amali Kimia Asas (CHM3012)**
Kredit **2 (0+2)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini terdiri daripada beberapa eksperimen makmal yang berkaitan dengan kimia analitikal, organik, tak organik dan fizikal. Penekanan adalah kepada kemahiran asas penghabluran semula, pengekstrakan, pengasingan, refluks, penyulingan dan pentitratan. Setelah selesai, pelajar seharusnya boleh memasang dan menggunakan radas asas untuk eksperimen kimia asas dan mempersembahkan data saintifik dengan cara yang jelas dan logik serta menghasilkan laporan saintifik dari hasil kerja mereka.

This course comprises several laboratory experiments related to analytical, organic, inorganic and physical chemistry. Emphasis is on the basic skills of recrystallization, extraction, separation, reflux, distillation and titration. Upon completion, students should be able to assemble and use basic apparatus for experimental basic chemistry and present scientific data in a clear and logical way and produce a scientific report of their work.

Kursus **Kaedah Penyelidikan dalam Sains Kimia (CHM3032)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menekankan konsep dan kaedah saintifik dalam menjalankan penyelidikan. Ia membincangkan proses asas dalam menjalankan penyelidikan akademik. Aspek teori dan praktikal untuk menyiapkan proposal penyelidikan yang dikemukakan. Antara topik yang akan didedahkan adalah pengenalan kepada penyelidikan dan falsafahnya, rumusan permasalahan dan objektif kajian, sorotan kajian, metodologi dan reka bentuk penyelidikan, prosedur pengumpulan data, analisis data, cadangan penyelidikan dan penyediaan tesis dan pembentangan lisan mengenai topik terpilih yang relevan dengan pelajar sains kimia.

This course emphasize on the concept and scientific methods in undertaking research. It discusses the fundamental process in conducting an academic research. The theoretical and practical aspects of preparing a research proposal presented. Amongst topics that will be covered are introduction to research and its philosophy, problem formulation and research objective, literature review, research methodology and design, data collection procedures, data analysis, research proposal and thesis preparation and oral presentation on selected topic of relevant to chemical sciences students.

Kursus **Kimia Fizik Asas (CHM3102)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membolehkan pelajar menerima lebih banyak pengetahuan teori atom, keseimbangan kimia, pengiraan berkaitan elektrokimia dan kinetik tindak balas. Pelajar juga akan didedahkan dengan hukum-hukum gas dan pengiraan menggunakan hukum gas yang betul.

This course allow students to gain a more detailed knowledge of atomic theory, chemical equilibrium, calculations related to electrochemistry and reaction kinetics. Students are also exposed to gas laws and calculations using appropriate gas laws.

Kursus **Amali Kimia Fizik (CHM3111)**
Kredit **1 (0+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini merangkumi topik eksperimen yang dipelajari oleh pelajar dalam kursus kimia fizik seperti dalam Kimia Fizik Asas dan Kimia Fizik. Topik eksperimen yang berkaitan dengan keseimbangan, kelarutan, pH, penguraian asid, dan penentuan entalpi disertakan dalam kursus ini. Kursus ini akan membolehkan pelajar mengamalkan pengetahuan yang telah dipelajari dalam bidang kimia fizik melalui eksperimen yang dijalankan di makmal. Ini akan memperkuatkan pengetahuan pelajar serta meningkatkan kemahiran psikomotor semasa menjalankan eksperimen, mengamati, dan menyediakan laporan.

The course covers experimental topics learned by students in physical chemistry courses such as in Basic Physical Chemistry and Physical Chemistry. Experiments topics related to equilibrium, solubility, pH, acid decomposition and enthalpy determination covers in this course. This course will enable students to practice the knowledge that has been learned in the field of physical chemistry through experiments to be conducted in the laboratory. This will strengthen the students' knowledge as well as increase the psychomotor skills while conducting experiments, observing and preparing reports.

Kursus **Kimia Fizik (CHM3123)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini meliputi tiga topik utama dalam kimia fizik: termodinamik, dinamik tindakbalas, dan perubahan sifat fizikal bagi bahan tulen. Termodinamik: Hukum Gas, Pertama, Kedua dan Ketiga; Dinamik Tindakbalas: Pergerakan molekul, Kadar Tindak balas, dan Dinamik Tindakbalas; Perubahan Fizikal: Diagram Fasa dan Aspek Termodinamik bagi Perubahan Fasa.

This course covers three main topics in physical chemistry: thermodynamics, chemical dynamics, and physical transformations of pure substances. Thermodynamics: Gas Laws, First, Second and Third Law; Chemical Dynamics: Molecules in Motion, Rates of Chemical Reactions, and Reaction Dynamics; Physical Transformations: Phase Diagrams and Thermodynamic Aspect of Phase Transitions.

Kursus **Kimia Koloid (CHM3133)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menyediakan latar belakang untuk memahami bidang yang luas melibatkan kimia koloid dan antara muka, yang perlu bagi mengembangkan produk dan proses. Klasifikasi, mekanisme pembentukan koloid, fenomena koloid dan sifat kestabilan koloid, termodinamik dan pencirian berkaitan dengan sistem koloid juga akan dibincangkan. Kursus ini membolehkan pelajar untuk mengembangkan dan mengaplikasikan pengetahuan dalam menerangkan beberapa sistem koloid.

This course provides the background for understanding the vast field of colloid and interfacial chemistry, essential for developing products and processes. The classification, mechanism of colloidal formation, colloidal phenomena and colloidal stability properties, thermodynamics and characterization related to colloidal systems will also be discussed. The course enables students to develop and apply knowledge in describing several colloidal systems.

Kursus **Kimia Organik Asas (CHM3202)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membolehkan pelajar mendapat pengetahuan tentang konsep ikatan kimia, hibridisasi, teori asid-bes, pengenalan kepada kumpulan berfungsi dan tatanama IUPAC bagi sebatian organik. Perbincangan juga melibatkan stereokimia, konformasi alkana, sifat fizik dan tindak balas kimia alkana, alkena, alkuna dan benzena. Kursus ini akan membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran peribadi mereka.

Course **Basic Organic Chemistry (CHM3202)**
Credit **2 (2+0)**
Prerequisite **None**

This course will enable students to gain knowledge on the concept of chemical bonding, hybridization, acid-base theory, introduction to functional groups and IUPAC nomenclature of organic compounds. The discussion also involves stereochemistry, conformation of alkanes, physical properties and chemical reactions of alkane, alkene, alkyne and benzene. This course will help students to improve their personal skill.

Kursus **Amali Kimia Organik (CHM3211)**
Kredit **1 (0+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini akan membolehkan pelajar mengaplikasikan konsep asas dalam tindak balas kimia organik. Ini akan membantu meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengendalikan bahan kimia dan alat radas yang diperlukan dalam Projek Penyelidikan Tahun Akhir (PITA).

This course will allow students to apply basic concepts in organic chemical reactions. This will help improve students' skills in handling the chemicals and apparatus required in the Final Year Research Project (PITA).

Kursus **Mekanisma dalam Kimia Organik (CHM3223)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas tindak balas kimia organik dan mekanisme tindak balas yang terlibat. Topik yang dibincangkan termasuk mekanisme tindak balas SN₁, SN₂, E₁ serta E₂ bagi sebatian alkil halida, alkohol dan eter. Mekanisme tindak balas penukargantian elektrofilik aromatik bagi benzena tertukar ganti dan tindak balas perisiklik juga akan dibincangkan. Setelah selesai kursus, pelajar seharusnya dapat meramalkan hasil tindak balas dan mekanisme tindak balas yang terlibat dalam pembentukan sebatian kimia.

This course introduces the students to the basic concepts of organic reactions and mechanism reaction involved. The topics discussed include the mechanism reactions of SN₁, SN₂, E₁ and E₂ of alkyl halide, alcohol and ether. The mechanism reaction of electrophilic aromatic substitution of substituted benzene and pericyclic reaction will also be covered. Upon completion of the course, students should be able to predict the products and the reaction mechanism involved in the formation of chemical compounds.

Kursus **Kimia Sebatian Karbonil (CHM3233)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini memperkenalkan kimia dalam kumpulan berfungsi karbonil. Topik yang dibincangkan termasuk sifat kimia, cara penyediaan, tindak balas dan mekanisme tindak balas sebatian karbonil (aldehida, keton, amida, asid karboksilik dan terbitannya). Pembentukan enol enolat dan sebatian b-dikarbonil juga akan dibincangkan. Setelah tamat kursus, pelajar seharusnya dapat meramalkan hasil dan mekanisme tindak balas yang terlibat dalam setiap langkah dalam tindak balas sebatian karbonil. Pelajar juga seharusnya boleh mencadangkan laluan sintetik yang sesuai untuk mensintesis sebatian karbonil yang disasarkan.

This course introduces the chemistry of the carbonyl functional groups. The topic discussed include the chemical properties, preparations, reactions and reaction mechanisms of carbonyl compounds (aldehyde, ketone, amide, carboxylic acid and their derivatives). Enol enolate formation and b-dicarbonyl compounds

also will be covered. Upon completion of the course, students should be able to predict the product and mechanism reaction involved in each step of the carbonyl reactions. Students should also be able to propose the suitable synthetic pathways to synthesize targeted carbonyl compounds.

Kursus Penentuan Struktur Sebatian Kimia (CHM3243)
Kredit 3 (3+0)
Prasyarat Tiada

Kursus ini akan membincangkan penentuan formula molekul dan struktur sebatian organik menggunakan pelbagai teknik spektroskopi seperti IR, NMR, MS, UV, dan analisis unsur CHNSO. Melalui kursus ini, pelajar seharusnya dapat memahami konsep asas meramal struktur sebatian organik menggunakan pelbagai teknik spektroskopi.

This course shall discuss the determination of molecular formula and the structure of organic compounds using various spectroscopic technique such as IR, NMR, MS, UV and elemental analysis CHNSO. Through this course, students should be able to understand the basic concept of predicting the structure of organic compounds using various spectroscopy techniques.

Kursus Kimia Tak Organik Asas (CHM3302)
Kredit 2 (2+0)
Prasyarat Tiada

Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip asas kimia tak organik. Topik-topik dalam kursus ini ialah; struktur atom, struktur molekul dan pengikatan, pengoksidaan dan penurunan, perkalaan dan jadual berkala, perkalaan kimia, unsur-unsur blok s, kumpulan III, IV, V, VI, VII & VIII dan blok d. Di akhiran kursus ini, para pelajar mampu meningkatkan pengetahuan asas dan konsep-konsep asas dalam kimia organik.

This course covers fundamental principles of inorganic chemistry. The topics include in this course are; atomic structure, molecular structure and bonding, oxidation and reduction, periodicity and periodic table, chemical periodicity, elements of s-block, group III, IV, V, VI, VII & VIII and d-block. In the end of this course, students will be able to gain fundamental knowledge and basic concepts in inorganic chemistry.

Kursus Amali Kimia Tak Organik (CHM3311)
Kredit 1 (0+1)
Prasyarat Tiada

Kursus ini melibatkan kajian praktikal yang teliti di semua sub-bahagian kimia tak organik, aspek pembelajaran sejajar dengan modul kursus kimia tak organik lain yang ditawarkan. Penekanan kursus ini kebanyakannya adalah pada aspek persediaan, pengasingan produk dan pencirian sebatian koordinatan, kimia keadaan pepejal, sebatian kumpulan utama, dan prinsip penyediaan bahan-bahan industri serta kompleks logam peralihan. Ciri-ciri asas sebatian tak organik dan unsur yang ditetapkan akan dikaji secara mendalam, termasuk keaktifan, mekanisme tindak balas, redoks, tingkah laku magnetik, stereochemistry, dan aplikasi industri.

This course involves thorough practical studies on all subdivision of inorganic chemistry, the learning aspects are parallel to the other inorganic chemistry courses module offered. The emphasis of the course is mostly on the aspect of preparation, product isolation and characterization of coordination compounds, solid state chemistry, main group compounds, and principles of the industrial materials preparation as well as transition metal complexes. Fundamental characteristics of inorganic compounds and their designated elements will be in depth studied, which include reactivity, reaction mechanism, redox, magnetic behaviour, stereochemistry and industrial applications.

Kursus Kimia Tak Organik (CHM3323)
Kredit 3 (3+0)
Prasyarat Tiada

Kursus ini memberikan gambaran keseluruhan konsep utama dalam kimia tak organik. Topik-topik termasuk dalam kursus ini terdiri daripada teori ikatan, stereokimia, kimia nuklear, unsur-unsur blok-d dan redoks kompleks tak organik. Pada akhir kursus ini, pelajar harus dapat memperoleh pengetahuan untuk pemahaman yang lebih baik dalam kimia tak organik.

Kursus **Kimia Koordinatan (CHM3333)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini memberi tumpuan kepada bidang kimia koordinatan yang membincangkan beberapa topik secara terperinci seperti jenis ligan, penamaan, struktur geometri dan pengisomerisma, sintesis sebatian koordinasi, kestabilan kompleks, teori medan ligan, teori orbital molekul kompleks logam peralihan, peralihan elektronik, gambarajah Tanabe-Sugano, dan kesan tindakan Jahn Teller. Pelajar sepatutnya dapat memperoleh pemahaman mendalam mengenai kimia koordinasi secara terperinci.

This course focuses on the field of coordination chemistry which discusses several topics in details such as type of ligands, nomenclature, geometric structure and isomerism, synthesis of coordination compounds, complexes stability, ligand field theory, molecular orbital theory of transition metal complexes, electronic transition, Tanabe-Sugano diagram and Jahn Teller distortion effects. Students should be able to gain deep understanding on the coordination chemistry in depth.

Kursus **Kimia Organologam Peralihan (CHM3342)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan pengenalan dan aspek lanjutan kimia organologam peralihan. Topik termasuk jenis ligan, mekanisme dan penggunaan kompleks organologam peralihan dalam pemangkinan. Selain itu, topik lanjutan seperti sintesis lanjutan kompleks organologam, pencirian kompleks organologam, ikatan logam dan kluster, kimia bio-organometalik, dan aplikasi logam organologam peralihan dalam industri. Trend terkini kompleks organologam peralihan dalam aplikasi semasa juga akan dibincangkan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat memperoleh pengetahuan asas dalam kimia organologam peralihan secara mendalam.

This course discusses on the introduction and advanced aspect of the organotransition metal chemistry. The topics include the types of ligands, organotransition metal mechanism and the use of transition metal complexes in catalysis. In addition, the advanced topics such as the advanced synthesis of organometallic complexes, characterisation of organometallic complexes, metal-metal bonding and clusters, bio-organometallic chemistry, and the application of organotransition metal in industry. The latest trend of organometallic complexes in the current application is also will be discussed. In the end of this course, students will be able to gain fundamental knowledge in organometallic chemistry in depth.

Kursus **Kimia Analisis (CHM3402)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini mengandungi prinsip asas dalam analisis kimia yang berkaitan dengan prinsip analisis isipadu, analisis titrimetri dan gravimetrik, serta langkah-langkah awal dalam analisis kimia yang melibatkan persampelan dan penyediaan sampel analisis. Penekanan juga diberikan kepada pengenalan ralat dan pemprosesan data analisis. Setelah selesai, pelajar seharusnya dapat menerangkan prinsip dan teknik asas dalam kimia analisis serta dapat mengaplikasikan kaedah statistik yang sesuai dalam penyelesaian masalah.

Kursus ini mengandungi prinsip asas dalam analisis kimia yang berkaitan dengan prinsip analisis isipadu, analisis titrimetri dan gravimetrik, serta langkah-langkah awal dalam analisis kimia yang melibatkan persampelan dan penyediaan sampel analisis. Penekanan juga diberikan kepada pengenalan ralat dan pemprosesan data analisis. Setelah selesai, pelajar seharusnya dapat menerangkan prinsip dan teknik asas dalam kimia analisis serta dapat mengaplikasikan kaedah statistik yang sesuai dalam penyelesaian masalah

Kursus **Instrumentasi Kimia (CHM3443)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip teknik spektroskopi (spektroskopi serapan Ultra Lembayung-Tampak molekul, spektroskopi fluoresensi, spektroskopi serapan inframerah, dan spektroskopi serapan dan pengeluaran atom), teknik kromatografi (kromatografi lapisan nipis, kromatografi gas, dan

kromatografi cecair) dan teknik elektrokimia (potensiometri dan voltametri). Pelajar akan didedahkan dengan penggunaan alatan sains secara praktikal.

This course discusses principles of spectroscopy technique (molecular Ultra Violet-Visible absorption spectroscopy, fluorescence spectroscopy, infrared absorption spectroscopy and atomic absorption and emission spectroscopy, chromatography technique (thin layer chromatography, gas chromatography and liquid chromatography) and electrochemistry technique (potentiometry and voltammetry). Students will be exposed with hands-on of scientific instrumentation.

Kursus **Kimia Polimer (CHM3513)**
Kredit **3 (2+1)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan secara terperinci topik-topik seperti klasifikasi polimer, struktur polimer, mekanisme dan kinetik pempolimeran, teknik pempolimeran, termodinamik larutan polimer, penentuan berat molekul, sifat keadaan pepejal polimer, keadaan kaca, elastomer dan termoset. Penekanan juga diberikan kepada keupayaan pelajar untuk melakukan praktikal berdasarkan topik kimia polimer. Setelah selesai, pelajar sepatutnya dapat memperoleh pengetahuan mengenai prinsip asas kimia polimer dan aplikasinya.

This course discusses in details topics such as classification of polymers, polymer structure, polymerization mechanisms and kinetics, polymerization techniques, thermodynamics of polymer solutions, molecular weight determination, solid-state properties of polymers, glassy state, elastomers and thermosets. Emphasis is also on the ability of students to perform practicals based on polymer chemistry topics. Upon completion, students should be able to gain knowledge of basic principles of polymer chemistry and their applications.

Kursus **Spektroskopi Molekul (CHM4143)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada Simetri dan Teori Kumpulan, Kimia Kuantum, dan Spektroskopi Molekul. Simetri dan Teori Kumpulan: Elemen Simetri dan Operasi Simetri, Pengkelasan Molekul, dan Jadual Ciri. Kimia Kuantum: Prinsip Kuantum Mekanik, Persamaan Schrodinger, Partikel dalam Kotak, Fungsi Gelombang, Kebarangkalian Ketumpatan, Spektrum Getaran dan Putaran, Transisi Elektronik, dan Resonans Magnet. Pelajar boleh menghubungkan dan mengaplikasikan teori asas kepada alat spektroskopi terutamanya infra-merah, UV-tampak dan resonans magnet nukleus (NMR).

This course will expose students to Symmetry and Group Theory, Quantum Chemistry, and Molecular Spectroscopy. Symmetry and Group Theory: Symmetry Elements and Symmetry Operations, Classification of Molecules, and Character Tables. Quantum Chemistry: Quantum Mechanical Principles, Schrodinger Equation, Particle in a Box, Wave Function, Probability Density, Vibrational and Rotational Motion; Molecular Spectroscopy: Rotational and Vibrational Spectra, Electronic Transitions, and Magnetic Resonance. Students can relate and apply basic theory to spectroscopic instruments, especially infra-red, UV-visible and nuclear magnetic resonance (NMR).

Kursus **Kimia Keadaan Pepejal (CHM4353)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini memberi penekanan kepada kimia sebatian keadaan pepejal termasuk struktur kristal, sifat, ikatan, jenis padatan dan jenis kecacatan hablur. Topik ini juga akan merangkumi Indeks Miller, titik kekisi dan arah, dan pembinaan rajah fasa. Untuk meningkatkan pembelajaran pelajar, pelajar akan didedahkan kepada sintesis, kaedah pencirian, hubungan sifat struktur, reka bentuk bahan dan kereaktifan sebatian pepejal. Dengan mempelajari kursus ini, pelajar akan dapat menentukan dan menggunakan prinsip dalam kimia keadaan pepejal ke dalam pemilihan bahan untuk aplikasi dalam industri.

This course emphasizes on the chemistry of solid state compounds including their crystal structure, properties, bonding, types of closed packing and types of crystals defects. The topics will also covers on Miller Indices, lattice point and directions, phase diagram construction. To enhance the students learning experience, students will be exposed to the synthesis, characterization methods, structure property relations, material's design and reactivity of solids compounds. By learning this course, students will be

able to determine and apply the principles in solid state chemistry into the selections of materials for applications in industries.

Kursus **Projek Ilmiah Tahun Akhir I (CHM4982)**
Kredit **2 (0+2)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus Projek Ilmiah Tahun Akhir I memerlukan pelajar untuk menjalankan projek penyelidikan tertentu dalam pelbagai bidang di bawah penyeliaan pensyarah, menjalankan kerja-kerja eksperimen di makmal yang disediakan, membentangkan kertas cadangan masing-masing dan mendokumentasikan kertas cadangan penyelidikan. Pelajar akan dinilai berdasarkan pembentangan kertas cadangan, buku log dan kertas cadangan penyelidikan bertulis yang dihantar. Penekanan diberikan kepada kemahiran praktikal dalam makmal, kemahiran komunikasi dalam pembentangan, keupayaan kognitif, kemahiran peribadi serta etika dan profesionalisme dalam menulis kertas cadangan dan buku log. Selepas selesai, pelajar seharusnya dapat menjalankan penyelidikan secara bebas dan profesional, boleh merancang dan membentangkan hasil penyelidikannya dengan jelas dan logik serta menghasilkan dokumentasi kertas cadangan yang saintifik.

The Final Year Project I course required students to carry out specific research project through a variety of fields under supervision of lecturers, carry out the experimental work in the provided laboratory, present respective proposal and document their research proposal. The students will be assessed based on the proposal presentation, logbook and the written proposal submitted. Emphasis is on the practical skills in laboratory, communication skills in presentation, cognitive skills, personal skills as well as ethics and professionalism in writing proposal and logbook. Upon completion, students should be able to conduct research independently and professionally, able to plan and present research finding in clear and logical manner as well as produce documented scientific proposal.

Kursus **Projek Ilmiah Tahun Akhir II (CHM4994)**
Kredit **4 (0+4)**
Prasyarat **Tiada**

Projek Ilmiah Tahun Akhir II merupakan lanjutan bagi Projek Ilmiah Tahun Akhir I. Pelajar diminta untuk menjalankan projek penyelidikan, melengkapkan kerja-kerja eksperimen di makmal yang disediakan, membentangkan hasil kerja masing-masing dan mendokumentasikan penemuan mereka dalam bentuk laporan projek tahun akhir. Pelajar akan dinilai berdasarkan pembentangan projek (kemajuan dan akhir), buku log dan laporan akhir (kulit keras/salinan lembut) yang dihantar. Penekanan diberikan kepada kemahiran praktikal dalam makmal, kemahiran komunikasi dalam pembentangan, kemahiran kognitif, kemahiran peribadi serta etika dan profesionalisme dalam menulis. Setelah selesai, pelajar seharusnya dapat menjalankan penyelidikan secara bebas dan profesional, boleh merancang dan membentangkan penemuan penyelidikan dengan jelas dan logik serta menghasilkan dokumentasi penemuan saintifik daripada hasil kerja mereka.

The Final Year Project II is an extension of the Final Year Project I. Students are required to carry out the research project, complete the experimental work in the provided laboratory, present respective results and document their findings in the form of final year project report. The students will be assessed based on the project presentation (progress and final), logbook and the final report (bound/soft copy) submitted. Emphasis is on the practical skills in laboratory, communication skills in presentation, cognitive skills, personal skills as well as ethics and professionalism in writing. Upon completion, students should be able to conduct research independently and professionally, able to plan and present research finding in clear and logical way as well as produce documented scientific finding of their work.

Kursus **Latihan Industri (CHM49710)**
Kredit **10 (0+10)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menyediakan pengalaman kerja yang berkaitan dengan bidang sains kimia, sebagai satu pembangunan kerjaya sebelum tamat pengajian. Pelajar akan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di UMT semasa menjalani latihan amali. Para pelajar akan melaksanakan tugas yang diberikan oleh penyelia-penyelia industri dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi dalam menyempurnakan tugas yang diamanahkan.

This course provides working experience related to the chemical sciences field, as a professional development prior to graduation. Students will apply the knowledge that they have learned in UMT while undergoing practical training. Students will be performing the tasks given by the industry supervisors by using the acquired knowledge and skills in fulfilling the entrusted tasks.

Kursus **Statistik untuk Kimia (MTK3032)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini membincangkan konsep-konsep asas dalam menyelesaikan masalah statistik yang berkaitan dengan kimia. Konsep-konsep berkenaan kaedah pemerihalan data, taburan kebarangkalian, pengujian hipotesis, korelasi dan regresi linear akan diperkenalkan dalam kursus ini. Kursus ini dipilih untuk mendedahkan pelajar kepada konsep penting dalam statistik yang boleh digunakan untuk menganalisis data.

This course discusses fundamental concepts in solving statistical problems related to chemistry. The basic concepts of data description, probability distributions, hypothesis testing, correlation and linear regression will be introduced in this course. This course is selected to expose students to important concepts in statistics that can be used to analyze data.

Kursus Elektif Program

Kursus **Kimia Sebatian Semulajadi (CHM3252)**
Kredit **2 (2+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini menyediakan pengetahuan tentang sebatian semulajadi, teknik pengekstrakan dan pengasingan, pengkelasan dan biosintesis metabolit sekunder, serta tapak jalan metabolisme alkaloid, terpenoid, steroid, flavonoid dan sebatian fenolik.

This course will provide students with the knowledge on the natural products, extraction techniques, the classification and biosynthesis of secondary metabolites, as well as the metabolism pathways of the alkaloids, terpenoids, steroids, flavonoids and phenolic compounds.

Kursus **Kimia Kuantum (CHM4113)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Pelajar akan didedahkan kepada dua topik utama dalam kimia kuantum iaitu teori kuantum dan struktur atom & spektrum atom. Topik yang dibincangkan termasuk Teori Kuantum: prinsip mekanik kuantum, persamaan Schrodinger, zarah dalam kotak, fungsi gelombang, tenaga, ketumpatan kebarangkalian, teori gangguan; Struktur Atom dan Spektrum Atom: struktur dan spektrum atom hidrogenik, struktur atom banyak elektron, penghampiran orbit, orbital medan konsisten sendiri. Pelajar boleh mengaplikasikan sebahagian daripada teori kuantum dalam kursus Spektroskopi Molekul dan juga teori asas dalam UV-tampak.

Students will be exposed to two main topics in quantum chemistry ie quantum theory and atomic structure & atomic spectra. Topics discussed include Quantum Theory: quantum mechanical principles, Schrodinger equation, particle in a box, wave function, energy, probability density, perturbation theory; Atomic Structure and Atomic Spectra: structure and spectra of hydrogenic atoms, structures of many-electron atoms, orbital approximation, self-consistent field orbitals. Students can apply part of the quantum theory in Molecular Spectroscopy course and also basic theory in UV-visible.

Kursus **Kimia Permukaan (CHM4123)**
Kredit **3 (3+0)**
Prasyarat **Tiada**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada topik-topik asas dalam kimia permukaan seperti pengikatan antara muka cecair-gas, antara muka cecair-cecair, antara muka pepejal-gas dan pembasahan serta penyebaran. Pelajar boleh mengaitkan dan mengaplikasikan teori asas kimia permukaan.

This course will expose students to the basic topics on surface chemistry such as bonding of liquid-gas interface, liquid-liquid interface, solid-gas interface and wetting and spreading. Students can relate and apply the basic theory of surface chemistry.

Kursus Elektrokimia (CHM4133)
Kredit 3 (3+0)
Prasyarat Tiada

Kursus ini merangkumi topik lanjutan dalam elektrokimia dan kimia larutan. Topik yang dibincangkan termasuk campuran mudah, keseimbangan kimia, elektrokimia keseimbangan, gerakan molekul dalam cecair, resapan, dinamik pemindahan elektron: voltammetri, sel bahan api dan kakisan. Pelajar boleh mengaitkan dan menggunakan pengetahuan elektrokimia dan kimia larutan.

This course covers advance topics in electrochemistry and solution chemistry. Topics discussed include simple mixtures, chemical equilibrium, equilibrium electrochemistry, molecular motion in liquid, diffusion, dynamics of electrons transfer: voltammetry, fuel cell and corrosion. Students can relate and apply the knowledge of electrochemistry and solution chemistry.

Kursus Kimia Heterosiklik (CHM4213)
Kredit 3 (3+0)
Prasyarat CHM3233 Kimia Sebatian Karbonil (WL)

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada bidang yang luas dalam kimia heterosiklik. Topik-topik yang akan diberi tumpuan adalah melibatkan kelas-kelas utama sebatian heterosiklik; yang meliputi dari segi penamaan, struktur, sifat, penyediaan dan tindak balas bagi sebatian heterosiklik bergelang lima ahli dan sebatian heterosiklik bergelang enam ahli. Heterosiklik gelang benzena bercantum, kumpulan piridina, dan kumpulan kuinolina serta isokuinolina juga akan dibincangkan. Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya dapat meramalkan hasil dan mekanisme bagi tindak balas heterosiklik, serta mampu merancang laluan sintetik untuk menghasilkan sebatian heterosiklik.

This course provides an introduction to the broad field of heterocyclic organic chemistry. The topics will focus on the major classes of heterocyclic compounds in terms of nomenclature, structure, properties, preparations and reactions of the simple 5 and 6-membered ring heterocycles. The benzene ring fused heterocycles, the pyridine group, and the quinoline and isoquinoline groups will also be discussed. Upon completion of this course, the students should be able to predict the product and mechanism of the heterocyclic reaction, and able to plan the synthetic pathway to produce heterocyclic compounds.

Kursus Kimia Lipid (CHM4223)
Kredit 3 (3+0)
Prasyarat Tiada

Kursus ini akan membincangkan lipid dari sudut sains oleokimia dan industri oleokimia, sumber dan fungsi lipid dalam tumbuhan, pengelasan lipid dan analisis lipid menggunakan teknik klasik dan peralatan, sifat fizikal dan sifat kimia lipid. Kaedah pemprosesan lemak dan minyak, dan proses pengubahsuaian minyak juga akan dibincangkan.

This course will discuss lipids from the standpoint of oleochemical sciences and the oleochemical industry, sources and functions of lipids in plants, classification of lipids and the analysis of lipids using classical and instrumental techniques, physical and chemical properties of lipids. Processing methods of fats and oil, and modification process of oil will also be discussed.

Kursus Kimia Organik Fizik (CHM4233)
Kredit 3 (3+0)
Prasyarat Tiada

